From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Monday, 27 June, 2022 9:06:56 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: WARGA UNIVERSITI PERLU BERSATU HATI UNTUK CAPAI SASARAN

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 JUN 2022 / 27 ZULKAEDAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

WARGA UNIVERSITI PERLU BERSATU HATI UNTUK CAPAI SASARAN



UUM ONLINE: Warga kampus perlu bergerak sama-sama dan bersatu hati untuk terus berusaha mencapai sasaran yang ditetapkan dalam menjadikan universiti satu tempat yang dibangga-banggakan demi mengangkat agenda agama, bangsa dan negara.

Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah berkata, portfolio yang disandang sama ada dari pengurusan tertinggi hingga ke peringkat bawah semuanya memainkan peranan penting kepada kecemerlangan universiti.

“Semua harus bangun dan berusaha agar dapat mengangkat agenda ini sebaik mungkin yang hanya memerlukan kesungguhan jati diri untuk berubah agar orang luar dapat merasakan UUM begitu tingginya impaknya,” ucapnya.

Ujarnya, UUM bukan mengejar ranking tetapi kecemerlangan kerana kejayaan akan datang sendiri jika cemerlang.

“Kita perlu bergerak bersama-sama, termasuk pensyarah muda, agar dapat membina reputasi baru.

“Kita juga perlu membina jaringan dengan rakan-rakan antarabangsa untuk membawa program kita ke luar negara. Inilah cabaran kita bersama,” ucapnya lagi.

Haim Hilman turut menasihatkan agar jangan melihat kepada kelemahan atau kekurangan yang ada semata-mata.

“Jadilah mata lebah yang mencari madu sebagai penawar buat manusia bukan mata lalat hanya mencari salah sahaja, mencari sampah untuk dihinggapi akhirnya membawa mudarat kepada kita,” katanya pada Majlis Penghargaan QS World University Rankings, yang berlangsung di EDC-UUM, semalam.

Beliau turut menyeru agar semua staf dapat mempermudah urusan ketika menawarkan perkhidmatan.

Sementara itu, Penolong Naib Canselor UUM College of Arts and Sciences (CAS) merangkap Pengarah Bahagian Perancangan Korporat, Prof. Madya Dr. Mazni Omar berkata, majlis dibuat bagi meraikan semua pusat tanggungjawab yang telah bertungkus-lumus memberi kerjasama.

“UUM mengejar kecemerlangan dari sudut akademik, penerbitan, penyelidikan, hubungan industri, komuniti, tadbir urus kewangan, perkhidmatan kepada pemegang taruh dan menghasilkan graduan yang holistik.

“QS World University Rankings 2023 masih mengguna pakai enam indikator seperti tahun sebelumnya iaitu ‘Academic Reputation yang menyumbang kepada 40%, Employer Reputation (10%), Citations per Paper (20%), Student-to-Faculty (20%), International Faculty (5%) dan International Students (5%)’,” ujarnya.

Namun katanya, universiti mesti bersedia kerana pihak QS sentiasa mengemas kini indikator misalnya pada edisi kali ini dua indikator baharu diperkenalkan iaitu International Research Network dan Employment Outcomes dalam mengeluarkan penarafan mereka.

Sejak edisi 2021, UUM berjaya membuat lonjakan memberangsangkan iaitu sebanyak 50 anak tangga sehingga berjaya menempatkan diri dalam kelompok 500 universiti terbaik dunia pada edisi kali ini.

Pada edisi 2023, UUM berada di kedudukan 481 berbanding edisi 2022, iaitu 511-520. QS World University Rankings yang dikeluarkan secara tahunan menyaksikan lebih 1,422 universiti seluruh dunia disenaraikan bagi penarafan kali ini.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.